

SULIT

Nama Pelajar :

Tahun :

SEJARAH TAHUN 5

PERTAKSIRAN FORMATIF AKHIR 2022/2023

TAHUN 5

SEJARAH

(SEJ)

DIS/JAN

1 jam

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan **Bahagian A** diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan kamu pada kertas jawapan objektif.
4. Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian, **hitamkan** jawapan yang baru.
5. Rajah yang mengiringi soalan tidak dilukis mengikut skala kecuali dinyatakan.
6. Soalan **Bahagian B** perlu dijawab pada kertas soalan di ruangan jawapan yang disediakan.
7. Tulis jawapan dengan jelas dan jangan tinggalkan kosong pada ruangan jawapan.

BAHAGIAN	MARKAH
BAHAGIAN A	20
BAHAGIAN B	30
JUMLAH	/50

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

Halaman 1

[lihat halaman sebelah...]

Bahagian A
Soalan Objektif
[20 markah]

Arahan : Bahagian ini mempunyai 20 soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Pilih jawapan yang paling tepat bagi setiap soalan.

1. Bilakah institusi raja di negara kita telah wujud?
 - A. Selepas merdeka
 - B. Zaman Penjajahan British
 - C. Zaman Pendudukan Jepun
 - D. Zaman Kerajaan Melayu Awal

2. Perkembangan agama Islam pada zaman Kesultanan Melayu Melaka membawa perubahan seperti sistem beraja, _____ dan pendidikan.
 - A. Perundangan
 - B. Perlembagaan
 - C. Perbangunan
 - D. Pelaburan

3. Bahasa Melayu berasal daripada rumpun
 - A. Malaysia
 - B. Polinesia
 - C. Indonesia
 - D. Austronesia

4. Maklumat berikut berkaitan dengan pengaruh bahasa lain dalam bahasa Melayu.

Bahasa X	Bahasa Melayu
Sholat	Solat

Apakah **X** ?

- A. Arab
- B. Cina
- C. Tamil
- D. Belanda

5. Gambar berikut menunjukkan The Chartered Bank yang ditubuhkan pada tahun 1888.



Apakah kesan dari aspek ekonomi di negara kita akibat penjajahan yang boleh dikaitkan dengan penubuhan bangunan tersebut?

- A. Sistem perbankan moden
 - B. Perkembangan penanaman getah
 - C. Perkembangan pertanian komesil
 - D. Perkembangan industri perlombongan
6. Mengapakah British memajukan perusahaan biji timah dan getah?
- A. Memajukan negeri Melayu
 - B. Meningkatkan taraf hidup masyarakat
 - C. Menjaga kepentingan ekonomi British
 - D. Memperkenalkan bentuk ekonomi baharu
7. Tokoh manakah yang menentang kuasa penjajah melalui perundangan?
- A. Tok Janggut
 - B. Haji Abdul Rahman Limbong
 - C. Rentap
 - D. Dato' Bahaman
8. Sharif Masahor bersama-sama dengan _____ dan Pengiran Temenggung Hashim berpakat untuk mengusir keluarga Brooke di Kuching.
- A. Dol Said
 - B. Datu Patinggi Abdul Ghapur
 - C. Dato' Bahaman
 - D. Tok Janggut

9. Apakah matlamat yang hendak dicapai oleh rombongan Tunku Abdul Rahman ke London pada tahun 1956?
- A. Menggalakkan kerjasama antarabangsa
 - B. Mengeratkan persahabatan
 - C. Mendapatkan kemerdekaan
 - D. Mengukuhkan ekonomi negara
10. Apakah kepentingan bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan di Kuala Lumpur pada 12:01 tengah malam 31 Ogos 1957?
- A. Menandakan Tanah Melayu ialah sebuah negara yang merdeka
 - B. Darurat diisytiharkan tamat
 - C. Ketibaan rombongan kemerdekaan
 - D. Bermula perundingan dengan British
11. Apakah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong?
- I Menggubal undang-undang negara
 - II Ketua agama Islam bagi semua negeri
 - III Melantik Perdana Menteri dan anggota kabinet
 - IV Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
12. Maklumat berikut berkaitan dengan institusi Yang di-Pertuan Agong.
- Alat kebesaran diraja
 - Adat istiadat diraja
- Apakah kepentingan perkara-perkara tersebut kepada institusi Yang di-Pertuan Agong?
- A. Syarat keamanan
 - B. Lambang keagungan
 - C. Menjamin keadilan
 - D. Tanda kemakmuran

13. Di manakah anda dapat melihat Jata Negara

- I Pejabat kerajaan
- II Dokumen rasmi
- III Warung tempatan
- IV Pusat beli-belah

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

14. Gambar berikut menunjukkan Jata Negara pada tahun 1963 dan tahun 1965.



Apakah perubahan pada kedua-dua Jata Negara tersebut?

- A Cogan kata dalam tulisan jawi dan bahasa inggeris
- B Lambang Singapura digantikan dengan bunga raya
- C Jata Negara diubah berikutan penubuhan Malaysia
- D Lambang negeri Melaka diubah kepada pokok melaka

15. Pada tahun 1950, rekaan bendera Persekutuan Tanah Melayu diluluskan oleh

- A. Kerajaan British
- B. Perdana Menteri
- C. Majlis Perundangan Persekutuan
- D. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

16. Apakah makna dan lambang bintang pecah 14 dan 14 jalur pada Jalur Gemilang?

- A. 14 buah negeri melayu
- B. Ulang tahun kemerdekaan yang ke-14
- C. Keahlian dalam Majlis Raja-raja Melayu
- D. Perpaduan 13 negeri dan Kerajaan Persekutuan

17. Sebagai lagu kebangsaan negara kita, Negaraku merupakan simbol _____ dan _____ sesebuah negara.

- I kedaulatan
- II perpaduan
- III keharmonian
- IV kesejahteraan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

18. Mengapakah kita perlu menggunakan bahasa kebangsaan?

- A. Lulus peperiksaan awam
- B. Mematuhi undang-undang negara
- C. Memupuk semangat patriotism dan jati diri
- D. Tanda yakin dengan bahasa kebangsaan

19. Mengapakah bunga raya dipilih sebagai bunga kebangsaan Malaysia?

- A. Ciri-ciri keistimewaan
- B. Kelopak berwarna merah
- C. Cadangan Kementerian Pertanian
- D. Pengisytiharan Tunku Abdul Rahman

20. Gambar berikut menunjukkan bunga kebangsaan Malaysia.



Warna merah X melambangkan

- I keberanian
- II semangat waja
- III kemerdekaan negara
- IV kekayaan dan kemakmuran

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

Bahagian B
Soalan Subjektif
[30 markah]

Arahan : Jawab semua soalan.

1. Lengkapkan ayat dengan memilih jawapan berikut

mutlak		berkahwin		perundangan
	tertinggi		berniaga	

- (a) Raja atau sultan merupakan pemerintah _____ bagi sesebuah kerajaan berdaulat.
- (b) Semasa zaman Kerajaan Melayu Awal , raja atau sultan berkuasa _____.
- (c) Terdapat pedagang yang _____ dengan rakyat Melaka dan menyebarkan agama Islam kepada penduduk tempatan.
- (d) Undang-undang Laut Melaka mengandungi 25 fasal yang berkaitan dengan peraturan di laut, tatacara _____, dan jual beli.
- (e) Perkembangan agama Islam pada zaman Kesultanan Melayu Melaka membawa perubahan seperti sistem beraja, _____, dan pendidikan.

[5 markah]

2. Tandakan (✓) bagi pernyataan yang **betul** dan (X) bagi yang **salah**.

- (a) Bahasa Melayu berasal dari rumpun bahasa Austronesia. ☐
- (b) Bahasa Melayu hanya dipertuturkan di Kepulauan Melayu. ☐
- (c) Pertempuran sengit telah berlaku diantara Rentap dengan James Brooke di Bukit Sadok. ☐
- (d) Pada tahun 1861, Sharif Masahor telah berjaya mengusir tentera Charles Brooke dari Mukah. ☐
- (e) Dengan bantuan Tok Gajah dan Mat Kilau, Dato' Bahaman telah berjaya mengusir British dari negeri Pahang. ☐

[5 markah]

3. Jelaskan sumbangan tokoh-tokoh pejuang yang berikut dalam memerdekakan negara kita.

Nama	Sumbangan
(a) Tunku Abdul Rahman putra Al-Haj	
(b) Dato' onn bin Ja'afar	
(c) Tun Abdul Razak Bin Dato' Hussein	
(d) Tun Tan Cheng Lock	
(e) Tun V.T.Sambanthan	

[5 markah]

4. Jawap soalan berikut dengan tepat dan ringkas.

a. Terangkan kaedah pemilihan Yang di-Pertuan Agong daripada kalangan Sembilan orang raja melayu.

b. Namakan **dua** jenis pakaian kebesaran diraja.

(i)

(ii)

c. Apakah kepentingan kita menghormati pemimpin negara?

d. Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu menghormati institusi Yang di-Pertuan Agong. Beri pendapat anda.

[5 markah]